

Lelaki dipenjarakan lima bulan kerana curi telefon pintar milik guru wanita

KUCHING: Seorang lelaki dipenjarakan lima bulan oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah mencuri sebuah telefon pintar milik seorang guru wanita di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Jalan Depo di sini, April lalu.

Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan hukuman penjara bagi Arif Firdaus Sarbini, 31, yang beralamatkan di Kajang, Selangor untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mencuri sebuah telefon pintar milik seorang guru wanita berumur 49 tahun itu di sekolah terbabit sekitar jam 12.40 tengah hari pada 13 April 2026.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh didenda jika sabit kesalahan.

Menurut fakta kes, ketika berada di hadapan pejabat am sekolah tersebut, guru wanita berkenaan (pengadu) mendapati beg sandang komputer riba yang diletakkan di atas kerusi berserta dokumen penting telah hilang.

Anggaran kerugian dilaporkan berjumlah RM3,310.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 15 April 2026 di sebuah rumah di Kampung Samariang Jaya,

Petra Jaya.

Turut dirampas semasa tangkapan dibuat ialah sebuah beg silang tanpa jenama berwarna hitam, sebuah telefon pintar, sekeping dokumen sementara serta sebilah pisau lipat berwarna hitam dan merah.

Hasil siasatan polis seterusnya mendapati pengadu mengesahkan rampasan berkenaan, malah terdapat rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan tertuduh melakukan kecurian di sekolah tempat pengadu mengajar.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly sementara tertuduh tidak diwakili peguam.